


Muhyiddin dapat sementara pasport



Mahkamah benar bekas PM jalani pemeriksaan di UK, tolak transit 6 hari di Dubai

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin ditegur Hakim Mahkamah Tinggi semalam, kerana menempah tiket penerbangan untuk ke luar negara sebelum memperoleh kebenaran mendapatkan pasport antarabangsa.

Hakim, Noor Ruwena Md Nurdin, juga tidak melihat justifikasi untuk Muhyiddin transit di Dubai selama lima hingga enam hari sebelum kembali ke Malaysia.

Beliau menegaskan, perbuatan Muhyiddin menempah tiket sebelum memperoleh kebenaran bagi mendapatkan pasport daripada mahkamah adalah mengambil risiko kerana tindakan itu berisiko membuka lebih banyak permohonan sama pada masa depan.

Teguran itu dibuat hakim ketika membenarkan permohonan Muhyiddin mendapatkan pasport antarabangsanya buat sementara, bagi menjalani pemeriksaan kesihatan kanser pankreas yang dialami serta me-

luangkan masa bersama keluarga di United Kingdom (UK).

Terdahulu, peguam Datuk Amer Hamzah Arshad, yang mewakili Muhyiddin, memaklumkan bahawa anak guamnya memohon mendapatkan pasport itu bermula semalam sehingga 12 Januari 2026, untuk menjalani pemeriksaan kesihatan susulan tahunan berhubung kanser pankreas di UK.

Bagaimanapun, Noor Ruwena dalam keputusannya, membenarkan permohonan Muhyiddin, 78, mendapatkan pasport sementara itu bermula 8 Disember 2025 hingga 5 Januari 2026.

"Permohonan ini dibenarkan dengan syarat tempoh pemulangan pasport sementara dipendekkan, pasport akan dipulangkan sementara kepada peguam pemohon (Muhyiddin) pada 8 Disember 2025 dan bukan hari ini (semalam), manakala pasport dikembalikan semula kepada mahkamah pada atau sebelum 5 Januari 2026.

"Berdasarkan affidavit sokoongan, saya juga tidak melihat justifikasi untuk (Muhyiddin) transit ke Dubai selama lima hingga enam hari sebelum kembali ke Malaysia. Pemohon boleh transit di Dubai selama satu ke dua hari.

"Pemohon telah menempah tiket sebelum kebenaran diperoleh daripada mahkamah, maka pe-

mohon mengambil risiko dan tindakan ini akan membuka *flood gate* (permohonan yang sama)," tegas Noor Ruwena.

Sebelum ini, mahkamah beberapa kali membenarkan permohonan Muhyiddin mendapatkan pasportnya secara sementara, antaranya bagi menghadiri majlis graduasi cucu dan konsultasi berhubung kanser pankreas dihadapinya di London, pemeriksaan perubatan di Singapura dan menghadiri majlis pembukaan restoran rakannya di Thailand.

Tak bantah permohonan

Terdahulu, Amer Hamzah memaklumkan, selain menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan pandangan perubatan di UK, Muhyiddin juga berhasrat meluangkan masa bersama keluarganya.

"Beliau mempunyai tiga orang cucu yang kini menetap di UK dan selepas urusan perubatan selesai beliau berharap dapat menghabiskan sedikit masa bersama isteri dan keluarganya di Madrid," katanya sambil menambah tiada risiko untuk anak guamnya melarikan diri.

Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Mahadi Abdul Jumaat, berkata pihak pendakwaan tidak membantah permohonan Muhyiddin mendapatkan rawatan susulan di UK, sebaliknya membantah permohonan Muhyiddin

untuk meluangkan masa dengan isteri dan keluarganya di Madrid kerana ia akan membuka *flood gate* untuk permohonan sedemikian.

"Sekiranya, mahkamah membenarkan permohonan pemohon pihak pendakwaan memohon agar permohonan itu hanya setakat 20 Disember 2025," katanya yang mengendalikan kes bersama TPR Noralis Mat dan Wan Iman Wan Ahmad Afzal.

Muhyiddin yang ketika kejadian memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden BERSATU, didakwa atas empat pertuduhan menggunakan kedudukan beliau untuk memperoleh suapan berjumlah RM232.5 juta berkaitan Projek Jana Wibawa daripada tiga syarikat iaitu Bukhary Equity Sdn Bhd, Nepturis Sdn Bhd dan Mamfor Sdn Bhd serta Datuk Azman Yusoff bagi parti berkenaan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021.

Beliau juga berdepan tiga pertuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM200 juta daripada Bukhary Equity Sdn Bhd yang dimasukkan ke akaun Ambank dan CIMB Bank milik BERSATU.

BERNAMA